

IQRA

PTAR



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

“LIBRARY for ALL” ISSN : 2289-9537

e- BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Bil. 05/2018 | Mei | www.library.uitm.edu.my

MAJLIS Reunion Pesara dan Bekas Staf PTAR 2018



ISO 9001 : 2008 No Sijil : KLR 0500212

Hak Cipta Terpelihara
@PTAR



library.uitm



ptaruitm



perpustakaanuitm

MAJLIS REUNION PESARA DAN BEKAS STAF PTAR 2018

Majlis Reunion Pesara dan Bekas Staf PTAR 2018 anjuran Jawatankuasa Projek Wall of Fame, PTAR telah diadakan pada 14 Mei 2018 di Bilik Seminar, PTAR Utama.



Majlis ini dihadiri oleh hampir 70 orang pesara dan bekas staf perpustakaan yang telah berkhidmat bermula dari zaman Ketua Pustakawan yang pertama sehingga Ketua Pustakawan yang sekarang. Ia turut diserikan dengan kehadiran Datuk Ab. Rashid Ab. Wahab, Timbalan Ketua Polis Selangor yang juga merupakan bekas staf perpustakaan suatu ketika dahulu.



Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk;

1. Mendapatkan maklumat staf yang telah bersara dan staf PTAR yang telah bertukar jabatan untuk projek Wall of Fame.
2. Mengeratkan silaturrahim antara pesara, bekas staf PTAR dan staf PTAR yang masih berkhidmat di UiTM.
3. Memperingati staf PTAR yang telah kembali ke rahmatullah.



BENGKEL PENGKATALOGAN DAN PENKELASAN BAHAN STANDARD RDA PUITM

Objektif;

1. Meningkatkan kemahiran pengkatalogan dan pengkelasan bahan perpustakaan mengikut standard Resource Description and Access (RDA).

2. Kemahiran pengkatalogan dan pengkelasan bahan dalam pelbagai format.



Tarikh/Masa;

14-15 Mei 2018 (Isnin-Selasa)
8.00 pagi - 5.00 petang

Tempat;

Pusat IT PTAR Utama (Hari Pertama)
Pusat IT Perpustakaan undang-Undang (PUU) (Hari Kedua)

Peserta;

36 orang staf Pengurusan & Profesional PUITM
6 orang staf Pelaksana PTAR Shah Alam

Pengisian;

1. Pelaksanaan RDA di PUITM & Statistik RDA oleh En. Zulkifli Ismail
2. Pengenal RDA & Penentuan Access Point oleh Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah
3. Taklimat Hands-On Pengkatalogan Mengikut Kategori Bahan oleh En. Zaidie Bardan dan Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah



FORUM SINERGI GEN Y - PENDIDIKAN 4.0: CABARAN MAHASISWA TERHADAP PEMBELAJARAN MASA HADAPAN

Pada 16 Mei 2018 (Rabu), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) UiTM dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah berjaya menganjurkan Forum Sinergi Gen Y yang bertemakan "**Pendidikan 4.0: Cabaran Mahasiswa Terhadap Pembelajaran Masa Hadapan**". Forum ini diadakan bermula jam 8.30 pagi - 12.30 tengahari bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam dengan dihadiri lebih daripada 200 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa dan staf UiTM.



Program ini adalah bertujuan untuk mencetuskan aspirasi serta matlamat golongan intelektual muda khususnya mahasiswa UiTM melalui aktiviti wacana nasional dan memberi kesedaran terhadap anjakan paradigma ke arah pendidikan 4.0 yang perlu mereka hadapi. Forum ini dirasmikan oleh Encik Noor Hidayat Adnan (Ketua Pustakawan) dengan dihadiri tetamu kehormat iaitu Profesor Madya Dr. Amer Shakir Zainol (Pengarah IMPAK) dan Tuan Haji Shariffulizan Malek (Pengarah DBP Wilayah Tengah). Pihak penganjur amat berbangga dengan kehadiran Saudara Zack Merican sebagai moderator dan Yang Berbahagia Profesor Dr. Faizah Abd. Majid (Dekan Fakulti Pendidikan UiTM), Dr. Mohd. Ghazali Taib (Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa) dan Saudara Syafiruddin Mustafa (Penganalisis Penyelidikan, MaGIC) sebagai ahli penal.



MAJLIS IFTAR JAMA'IE @ RUMAH KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM DAN MISKIN

Pada 25 Mei 2018 bersamaan 9 Ramadhan 1439 hari Jumaat bertempat di Rumah Kebajikan Anak Yatim Al-Khairiyah, Batu 1 1/2 Sg. Pinang, Jalan Kapar, 41400 Kelang satu Majlis IFTAR JAMA'IE anjuran Bahagian Pengurusan Pelanggan dan Koleksi, PTAR UiTM Shah Alam bersama Kelab Sahabat PTAR sempena Program Khidmat Masyarakat Ramadhan PTAR.



Program ini bertujuan untuk melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang perihatin terhadap anak-anak kurang bernasib baik, tanpa mengira agama, pangkat dan sebagainya. Program ini juga bertujuan untuk mendekatkan jurang diantara masyarakat dengan mahasiswa selain untuk mempraktikkan ilmu pengetahuan yang ada selama bergelar mahasiswa Universiti Teknologi MARA.



**SENARAI YANG DIPERTUA
PERTUBUHAN KEBAJIKAN
ANAK-ANAK YATIM DAN MISKIN
SG PINANG KLANG**

Pengasas Dan Merangkap Yang Dipertua.

- PENGASAS PERTUBUHAN TUAN HJ SIRAJ BIN HJ ISMAIL 1950 - 1995
- YDP TUAN HJ ABDUL WAHAB BIN HJ SIRAJ 1995 - APRIL 2000
- PEMANGKU SEMENTARA EN. MOHD NAZLI BIN HJ ABDUL WAHAB - APRIL 2000 - 2001
- YDP USTAZ AYUB BIN MOHD 2001 - DISEMBER 2007
- YDP TUAN HAJI TULUS BIN ABD HALIM 2007- 2009
- YDP PUAN NORAINI BT HJ SIRAJ 2009 - JUNE 2012
- YDP TUAN HJ BANI SAEMIN JUNE 2012



BERITA BERGAMBAR UiTM CAWANGAN JOHOR**JOB ATTACHMENT DI BAHAGIAN PENGURUSAN TERBITAN BERSIRI, PTAR DAN LAWATAN KE JABATAN ARKIB UNIVERSITI, UiTM**

Tarikh: 15 hingga 16 Mei 2018

Tempat: Bahagian Pengurusan Terbitan Bersiri, PTAR

Staf: Siti Rozana binti Mat Sanat | Mastiah binti Ibrahim | Eny binti Musa

**CURRENT LAW JURNAL ONLINE DATABASE TRAINING**

Tarikh: 14 Mei 2018

Tempat: CIMB Trading Room, Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI)
UiTM Cawangan Johor

Masa: 12.00 tengahari hingga 1.00 petang

Peserta terlibat : Pensyarah undang-undang dan pelajar (40 orang)

BERITA BERGAMBAR UiTM CAWANGAN JOHOR**TAKLIMAT KLASIFIKASI FAIL**

Tarikh: 22 Mei 2018


Tempat: Pusat IT, PTDI 2

Masa: 3.00 – 4.30 petang

Peserta: Staf UiTM PRJ dan PTRJ (22 orang)

PROGRAM SEMARAK RAMADHAN

Sempena meraikan bulan Ramadhan, pihak Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI), UiTM Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan Program Semarak Ramadhan bermula dari 20 Mei 2018 hingga 14 Jun 2018. Objektif utama yang mendorong pihak PTDI untuk melaksanakan program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran pengguna tentang kepentingan menghidupkan bulan Ramadhan dengan melaksanakan amalan-amalan yang baik seperti bersedekah, berpakaian mengikut etika muslim dan muslimah sebenar dan sebagainya. Program ini secara tidak langsung turut mempromosikan PTDI Kampus Pasir Gudang sebagai pusat ilmiah dan rujukan maklumat utama dalam pengajaran dan pembelajaran di UiTM Kampus Pasir Gudang. Terdapat tiga jenis aktiviti yang dijalankan sepanjang Program Semarak Ramadhan. Antaranya ialah seperti Pameran Khas Ramadhan, Wakaf Pakaian dan Santai Rohani. Pameran Khas Ramadhan mempamerkan tiga jenis maklumat iaitu info Ramadhan secara umum, etika pemakaian, khasiat makanan sunnah dan pameran ini terletak di aras satu PTDI untuk tatapan umum. Aktiviti Wakaf Pakaian pula merupakan satu konsep amal jariah yang mana pihak PTDI mengumpulkan pakaian raya dan mendermakan pakaian tersebut kepada golongan sasaran yang memerlukan. Manakala, aktiviti Santai Rohani pula pihak PTDIPG telah mengundang Ustaz Dr. Mohd Ali Mohd Don memberikan ceramah mengenai keistimewaan bulan Ramadhan. Ceramah ini telah dijalankan di ruang bacaan santai PTDIPG. Semoga Program Semarak Ramadhan yang dianjurkan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat serta dapat mengeratkan hubungan baik antara staf dan pelajar



KEMPEN TANDAS BERSIH 2018

Masyarakat kita seringkali memandang remeh terhadap isu kebersihan tandas. Di sebalik kebersihan tandas ini, sebenarnya ia memberi implikasi yang sangat besar kepada kesihatan, kebersihan, dan persekitaran. Atas kesedaran tersebut, pihak Perpustakaan Tun Dr Ismail, (PTDI) UiTM Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan Kempen Tandas Bersih 2018 sepanjang bulan Mei ini. Objektif kempen ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kesedaran warga UiTM Kampus Pasir Gudang terhadap kepentingan kebersihan tandas dan menjadikan budaya tandas bersih sebagai rutin yang perlu dititik beratkan dalam kehidupan seharian. Selain itu, PTDI Kampus Pasir Gudang juga telah menganjurkan pelbagai aktiviti bagi memerihkan lagi kempen tersebut. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti pameran kebersihan tandas, pertandingan cogan kata, pertandingan mencari perkataan tersembunyi dan pertandingan poster. Pertandingan ini terbuka kepada staff dan pelajar dan sambutan yang diberikan semua amat mengalakkan.



Gambar sekitar tandas di PTDIPG

MAJLIS SAMBUTAN RAMADHAN, BACAAN YASSIN DAN TAHLIL, PERPISAHAN STAF PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH (PSB)



Tarikh: 16 Mei 2018

Tempat: Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB), UiTM Cawangan Kedah
Tazkirah Ramadhan disampaikan oleh: Ustaz Muhammad Saiful Islami,
Pensyarah ACIS

Staf bersara : En.Ahmad Badli Razak (bersara) dan
Puan Noor Masyithah Mat Ya (berhenti)

Kehadiran: Y.B. Rektor Kampus UiTM Cawangan Kedah dan pihak pengurusan
tertinggi UiTM Cawangan Kedah dan staf perpustakaan.

LAWATAN DELEGASI AKADEMIK THEPSATRI RAJABHAT UNIVERSITY, THAILAND KE PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH



7TH

Tarikh: 3 Mei 2018

Peserta: Rombongan seramai 38 pelajar dan 11 pengiring dari Thepsatri Rajabhat University (TRU), Thailand

Lokasi: Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB), UiTM Cawangan Kedah



PAMERAN UiTM KEDAH SEMPENA PERASMIAN PECAH TANAH UiTM KAMPUS BALING, KEDAH

Majlis Pecah Tanah UiTM Kampus Baling dirasmikan oleh Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi

Tajuk Pameran: Pameran 20 Tahun UiTM Cawangan Kedah

Tarikh: 4 Mei 2018

Masa: 2.30 petang

Tempat: Kampung Bandar, Baling, Kedah



TSAQAFAH FEST PTA 2018

Program **TSAQAFAH FEST 2018** dengan kerjasama Fakulti Seni Lukis & Seni Reka dan Persatuan PTA Reader's Club telah dilaksanakan dengan jayanya pada 14 dan 15 Mei yang lalu. Perkataan tsaqafah diambil daripada perkataan Arab yang bermaksud kebudayaan, kesenian dan pengetahuan bertepatan dengan objektif dan juga aktiviti yang akan dianjurkan. Program ini diadakan bagi menggalakkan lagi mahasiswa dan kakitangan UiTM Cawangan Kelantan untuk mengunjungi perpustakaan dengan lebih kerap. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Rektor UiTM Cawangan Kelantan Y.M. Dr Haji Tuan Mohd Rosli Tuan Hassan.



Alhamdulillah, sambutan pengguna dan warga UiTM Cawangan Kelantan terhadap aktiviti yang dirancang sangat menggalakkan dan pihak PTA akan terus proaktif menganjurkan aktiviti dan program menarik agar fungsi dan peranan perpustakaan sentiasa relevan dan mendapat tempat di hati warga UiTM Kelantan.




BERITA BERGAMBAR UiTM CAWANGAN PAHANG



LAWATAN KE PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2018

Tarikh: 3 Mei 2018

Tempat: PWTC, Kuala Lumpur



BENKEL PENGKATALOGAN DAN PENKELASAN BAHAN MENGIKUT STANDARD RDA PUiTM

Tarikh: 17 Mei 2018


Tempat: Bilik IT Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang
Penceramah: Pn. Nurfarawahidah Badruesham

Peserta: 15 orang peserta terdiri daripada staf perpustakaan


PAMERAN BULAN MEI



PERPUSTAKAAN, KAMPUS SG BULOH (FAKULTI PERUBATAN & PERGIGIAN)
PAMERAN 'HOUSE OF BOOKS' (KRITERIA BUKU-BUKU HADIAH)
Tarikh: sepanjang Mei



PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA
Pameran Cyber Crime : Be Smart & Be Safe
Tarikh: 2-18 Mei 2018



PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN
Pameran Ramadhan & Kesihatan
Tarikh: 25 Mei 2018

LAWATAN DARI SEKOLAH KEBANGSAAN TUNKU ABDUL MALIK, KULIM KEDAH



Tarikh : 3 Mei 2018 (Khamis)

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh

Bilangan peserta: 250 orang

Objektif Program:

- Memberi pendedahan awal kepada para pelajar mengenai UiTM
- Memupuk semangat para pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh

MAJLIS PERSARAAN STAF PTAR



Tarikh: 14 Mei 2018

Tempat: Bilik Seminar Perpustakaan,
Tun Abdul Razak (PTAR) Utama

Staf yang diraikan: En. Mazni Ahmad



PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK PTAR 2018



Tarikh: 23 Mei 2018 bersamaan 7 Ramadhan 1439H
Tempat : Perkarangan Foyer berbumbung PTAR Utama



BERITA BERGAMBAR UiTM CAWANGAN SARAWAK



PHOTOSHOT RAYA PTAR 2018

14 Mei 2018



PROGRAM SUNGKE PTAR DI RUMAH SRI KENANGA

Penyertaan: 82 orang penghuni rumah Seri Kenangan dan 28 staf PTAR
Tujuan: Mendekatkan diri PTAR UiTM Cawangan Sarawak
kepada golongan warga emas | 25 Mei 2018

BERITA BERGAMBAR UITM CAWANGAN SARAWAK**PROGRAM SEDEQAH PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UITM CAWANGAN SARAWAK**

Tarikh: 30 Mei 2018

Tujuan: membantu golongan kurang berkemampuan di sekitar Kota Samarahan

**PROGRAM PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK PTAR CAWANGAN SARAWAK @ 3R**

Tarikh: 12 Mei 2018

Tempat: Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajjah Norkiah

Tujuan: Mendekatkan diri PTAR Cawangan Sarawak dan Fakulti Pengurusan Maklumat kepada kanak-kanak dari Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajjah Norkiah

BERITA BERGAMBAR UTM CAWANGAN SARAWAK**LAWATAN DARI SMK KOTA SAMARAHAN**

Tarikh: 15 Mei 2018

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UTM Cawangan Sarawak,
Kampus Samarahan 2,

Peserta: 62 orang murid dan 4 orang guru

BENGGKEL MENDELEY (ADVANCE)



Tarikh: 16 Mei 2018, Rabu

Penceramah: En. Shahrol Nizam Johol, Timbalan Ketua Pustakawan

Kehadiran: 9 orang staf akademik/ penyelidik

Tempat: Makmal Ibnu Saffar Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu



PAMERAN e-USAHAWAN

eUsahawan merupakan salah satu inisiatif oleh kerajaan untuk menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan digital di kalangan golongan belia. Justeru itu, Pameran di Galeri PTAR untuk sepanjang Mei 2018 ini adalah berkenaan dengan eUsahawan dan Peranan MDEC dalam meningkatkan inisiatif eUsahawan di Malaysia.

Pameran Mei 2018 berlangsung sepanjang Mei 2018. Semoga dengan pameran ini dapat memberi manfaat pada semua warga universiti.



Objektif utama pameran adalah untuk menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan digital di kalangan warga universiti. Sehubungan itu, Antara intipati pameran Mei 2018 adalah:

1. Poster Pameran eUsahawan
2. Poster dari Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC)
3. Poster berkenaan eRezeki
4. Poster berkenaan eUsahawan
5. Buku-buku berkaitan usahawan



PROGRAM IKRAR BEBAS RASUAH PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM

Program Ikrar Bebas Rasuah Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM telah berlangsung pada 4 Mei 2018 (Jumaat) bertempat di Bilik Seminar, PTAR Utama.



Tarikh : 4 Mei 2018 (Jumaat)
Masa : 8.30 pagi - 12.15 tengahari
Tempat : Bilik Seminar, PTAR Utama
Peserta : Semua staf PTAR Shah Alam

Aktiviti yang dijalankan sempena Program Ikrar Bebas Rasuah ialah:

- Ceramah telah disampaikan oleh Encik Mohd Hudzail bin Mohd Mansor, Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- Ucapan ketua Pustakawan
- Ucapan Ketua Unit Integriti, UiTM,
- Tayangan Montaj Ikrar Bebas Rasuah,
- Lafaz Ikrar Bebas Rasuah diketuai oleh Encik Jamalludin Sulaiman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
- Sesi tandatangan Ikrar Bebas Rasuah oleh wakil Perpustakaan Tun Abdul Razak dan semua staf dengan disaksikan oleh Ketua Pustakawan dan Ketua Unit Integriti.
- Simbolik Program (Penyerahan Ikrar yang ditandatangani oleh wakil PTJ kepada Ketua Unit Integriti)



Objektif Program:

- Menjadi peringatan kepada individu agar menjauhi rasuah.
- Jaminan pimpinan organisasi kepada warganya, pemegang taruh dan pelanggan untuk mencegah jenayah rasuah.
- Komitmen individu dalam pembanterasannya rasuah.
- Bukti bahawa organisasi telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah jenayah rasuah.

MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL DAN TAZKIRAH BULAN MEI 2018

Bersempena bulan Ramadhan 1439H. Pihak JK Tazkirah PTAR telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Tazkirah. Majlis dimulai dengan bacaan Yasin dan tahlil kemudian diteruskan dengan pengisian tazkirah yang dipimpin oleh penceramah daripada ACIS. Majlis Bacaan Yasiin, Tahlil dan Tazkirah.



Tarikh: 25/5/2018 (Jumaat)
Masa: 8.30 pg - 10.00 pg
Tempat: Bilik Seminar PTAR 1
Tajuk: Ramadhan Anugerah Teragung
Penceramah: Ustaz Hj. Luffi Fauzi Sabari

